

Persembahan Teater Sebagai Sebuah Simulakra Tanda Melampaui Realiti

Theatre Performance as a Simulacrum of Hyper-Reality Sign

Nor Shuradi Nor Hashim

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author: shuradi@fmisp.upsi.edu.my

Received: 21st May 2024

Accepted: 1st October 2024

Published: 24th October 2024

ABSTRAK

Artikel ini mewacanakan persembahan teater pasca moden adalah merupakan sebuah simulakra yang membentuk tanda melampaui realiti di dalam sistem tanda teater. Fokus perbincangan artikel ini adalah menerangkan prinsip tanda realiti, tanda penyamaran, tanda melunturkan realiti dan tanda ekstrem yang bercampur aduk pada sistem tanda yang membentuk persembahan teater pasca moden sebagai sebuah simulakra. Dengan bersandarkan kepada kerangka teoretikal Baudrillard, maka artikel ini mewacanakan percampuran bentuk tanda realiti, tanda penyamaran, tanda meluntur realiti dan tanda ekstrem pada karya persembahan teater yang membentuk dirinya sebagai sebuah simulakra. Impak kepada artikel dapat menyediakan panduan kepada pemegang taruh untuk mengenalpasti bentuk karya teater pasca moden sebagai sebuah simulakra yang dinamik.

Kata kunci: Sistem Tanda Teater, Representasi Realiti, Simulakra.

ABSTRACT

This article delves into the concept of local postmodern theatre performance as a simulacrum, which constructs a representation beyond reality within the framework of theatrical sign systems. The discussion aims to expound upon the principles of reality signs, the pervert of reality signs, the recontextualisation signs, and the extreme manifestations of the sign system that define postmodern theatre performances as a simulacrum. Rooted in Baudrillard's theoretical framework, the article examines the amalgamation of reality signs, pervert of reality signs, the recontextualisation signs, and extreme signs within local theatrical performances, effectively shaping themselves as a simulacrum. The article's insights can offer valuable guidance for stakeholders in discerning local postmodern theatre works as dynamic simulacra.

Keywords: Theatrical Sign System, Representation of Reality, Simulacrum

PENGENALAN

Produk seni pasca modenisme yang dihasilkan oleh pengkarya seni masa kini telah menghadirkan tanda yang bercampur aduk bersama fakta tanda realiti, tanda fantasi, tanda palsu yang dicetuskan melalui mainan intelektual pengkarya (Hickman, 2023). Implikasinya, artikel ini mempertikaikan bentuk performatif seni yang dihasilkan oleh pengkarya tidak lagi mempertahankan konsep oposisi binar yang memisahkan batas realiti dan ilusi, batas nyata dan palsu, batas representational dan presentational secara konvensional. Sebaliknya, batas realiti dan tidak realiti, batas nyata dan palsu, batas representational dan presentational pada karya seni telah dicabar dan diruntuhkan batasnya. Lantaran itu, sistem tanda teater telah bercampur baur dengan tanda realiti, tanda palsu, tanda ilusi, tanda masa lalu, masa depan, tanda ekstrem sehingga menjana dirinya sebagai sebuah performatif yang melampaui tanda realiti atau hiper realiti. Dengan demikian, artikel ini mempertikaikan seni persembahan teater, tari, filem dan malahan seni visual pada era milenium ini telah membangunkan bentuk performatif yang tidak akur dengan sistem oposisi binar yang memisahkan batas realiti dan bukan realiti (non realistik, palsu, bukan fakta) secara tuntas.

Menurut Pavis (2013) bahawa persembahan teater masa kini telah membentuk sistem tanda teater yang bersifat melanggar batas representasi realiti dengan bercampur aduk dengan tanda-tanda yang melampaui normatif dan fakta. Tujuan pengarah melanggar batas oposisi binar realiti adalah untuk memastikan bentuk persembahan teater tidak terikat dengan sistem konvensional dan berbentuk sinkronik, namun bersifat diakronik dan dinamik. Melalui Nor Shuradi (2020) bahawa sistem tanda teater adalah merujuk kepada sistem tanda pelakon (performer), tanda visual seperti tanda set pentas, tanda pencahayaan, tanda pakaian, tanda props, tanda multimedia dan tanda bunyi yang membentuk genre sebuah persembahan teater. Dengan demikian, tanda diakronik pada sistem tanda teater dapat dilihat tatkala sistem tanda set pentas, tanda ruang pentas, tanda aksi lakonan, tanda pakaian, tanda cahaya, tanda props, tanda efek multimedia, tanda kesan bunyi, mahupun tanda gambaran manusia tidak lagi meraikan representasi realiti atau mewakili gambaran dunia prasarana realiti yang boleh dikenal pasti penonton secara sinkronik. Sebaliknya, sistem tanda teater pada sistem tanda artis, sistem tanda visual dan sistem tanda aural telah menghasilkan tanda lakonan, tanda set pentas, tanda busana, tanda tatarias, tanda multimedia, tanda gambaran kehidupan yang bercampur aduk pelbagai tanda realiti, tanda bukan realiti, tanda palsu, tanda bukan fakta dan tanda bukan realiti sehingga dirinya sebagai sebuah simulakra.

Latar Permasalahan Isu

Pada dasarnya, semiotik, *semiology* atau teori tanda kajian adalah merupakan cabang ilmu falsafah untuk manusia memahami bagaimana sesuatu individu, kelompok masyarakat mahupun sesuatu entiti menghasilkan tanda dan makna di kehidupan. Ilmu semiotik mengikut kerangka pemikiran Saussure adalah merujuk kepada ilmu yang mempelajari tanda sebagai sebahagian dari kehidupan sosial. Dalam kenyataan lain bahawa semiotik adalah merupakan satu kerangka ilmu yang ingin memahami sebuah tanda dan hubung kait tanda-tanda itu terbangun di sebalik kesan penggunaannya di dalam masyarakat. Sehubungan itu, apabila kita ingin memahami sistem tanda sebagai suatu karya performatif melalui kerangka pemikiran Saussure, maka individu harus perlu mengaitkan prinsip-prinsip teoretikal bagi memahami teks di sebalik pengkaryaan. Kerangka ilmu tanda semiotik Saussure melalui Alexandros

et. al (2020) mementingkan prinsip struktural yang menegaskan tanda dilihat sebagai sebuah 'kesatuan' antara penanda (signifier) atau material dan petanda (signified) sebagai konsep atau makna. Dari titik inilah individu perlu mengaitkan prinsip kesatuan (unity) yang melibatkan sesebuah tanda tidak dapat dipisahkan antara penanda yang bersifat material (objek seni) dan petanda (konsep, idea, makna) seperti sehelai kertas yang tidak dapat dipisahkan. Lantaran itu, hubungan struktural antara penanda dan petanda, sangat bergantung pada prinsip konvensional iaitu kesepakatan sosial tentang bahasa (tanda dan makna) oleh sesuatu masyarakat. Dalam erti lainnya, prinsip konvensional bekerja dengan mewujudkan hubungan penanda dan petanda telah disepakati sebagai sebuah konvensi sosial. Perihal ini boleh diperhatikan melalui struktur kehidupan sesuatu masyarakat dan kebudayaan diperoleh melalui proses sosialisasi dengan menuntut individu atau ahli kelompok masyarakat mempelajari penggunaan tanda yang memberikan makna kolektif yang perlu dipatuhi secara konvensional pada sesuatu masyarakat itu. Dengan demikian menunjukkan prinsip struktural, kesatuan, dan konvensional menempatkan semiotik sebagai kecenderungan kajian sinkronik yang merujuk kepada kajian tanda sebuah sistem yang tetap, konsisten dan tidak berubah dalam mana-mana konteks waktu. Tegasnya, semiotik struktural mengabaikan bahasa sebagai diakronik yang merujuk kepada tanda bahasa adalah dinamik, tidak statik, berubah-ubah tanda mengikut konteks zaman dan kehidupan masyarakat.

Dalam meneliti teks persembahan teater yang berkonsep mimetik atau representasi realiti. Prinsip semiotik melalui kerangka Saussure boleh diaplikasikan sebagai ilmu tanda yang mementingkan penanda dan petanda yang sangat bergantung pada prinsip konvensional iaitu kesepakatan sosial tentang bahasa (tanda dan makna) yang diperoleh dari kod budaya, kod estetik dan kod persembahan. Bagi memahami teks persembahan di sebalik sistem tanda teater menggunakan kerangka pemikiran Saussure inilah individu pengkaji perlu mengaitkan prinsip representasi realiti dalam memahami konvensi kod artistik teater genre realisme. Tanda representasi realiti merujuk kepada tanda yang mewakili realiti yang mempunyai sumber rujukan, fakta kehidupan sebenar dan nyata. Ini menunjukkan tanda realiti sangat bergantung pada rujukan tanda realiti sedia ada. Tanda 'tanpa rujukan realiti' semestinya seseorang pengkarya telah tidak akur dengan sistem tanda representasi yang perlu meniru sedekad mungkin imej realistik sedia ada pada ruang persembahan teater. Sesungguhnya menghasilkan sistem tanda teater pada struktur persembahan teater yang lari dari rujukan representasi atau tanda realiti kehidupan sebenar adalah bercanggah dengan tanda aturan, struktur dan konvensi yang perlu ditaati oleh pengamal teater realisme.

Namun, artikel ini mempertikaikan hasil karya teater pada masa kini telah tidak lagi akur dengan konvensi yang statik dan bersifat representasi. Penulis menegaskan produksi persembahan teater pada masa kini telah menghasilkan sistem tanda teater secara dinamik dan bersifat melampaui batas realiti. Pendirian artikel ini turut selari dengan pandangan sarjana seperti Pilliang (2003), Medhi (2012), Pavis (2013) dan Baudrillard (2020) yang turut membahaskan dunia pengkaryaan seni pasca moden telah meniup satu roh semangat dalam mencipta karya performatif seni yang tidak lagi membangunkan struktur ilusi peniruan alam realiti yang bersifat representasi. Dunia pengkaryaan seni pasca modenisme telah ditandai dengan gejala hiper realiti yakni ciptaan pengkaryaan seni yang tidak bertolak daripada rujukan realiti yang ada. Sebaliknya, performatif karya bercampur baur dengan tanda masa lalu dengan tanda masa kini, tanda fakta dengan tanda palsu, tanda realiti dengan tanda fantasi yang

tercetus dari ilham pengkarya. Melalui Pavis (2013) telah mengungkap mengenai perkembangan produksi teater barat masa kini yang membangunkan bentuk persembahan teater bersifat dinamik, tidak statik dan tidak mewakili bentuk dari tanda-tanda realiti semata-mata. Segala objek-objek di atas ruang persembahan yang disisipkan pada sistem tanda teater tidak lagi merencanakan representasi realiti ekoran wujudnya metodologi dekonstruksi. Secara ironi, artikel menegaskan metodologi dekonstruksi yang dibangunkan oleh pengkarya teater tidak bertujuan untuk meruntuh struktur komposisi persembahan sehingga melenyapkan langsung kesan sejarah, nilai, ideologi, dan kesan struktur estetik. Sebaliknya, fungsi senjata dekonstruksi bermotif ingin menyemak semula perkara-perkara asas prinsip, teknik, struktur atau 'lain' (difference). Lantas, dicabar, digubah suai semula atau rekontektualisasi mengikut konteks pemikiran, isu, motif dan gaya estetik teater secara kekinian.

Dengan demikian, artikel ini mempertikaikan sistem penandaan sistem tanda teater pada teks persembahan teater khususnya teater pasca modenisme tempatan tidak lagi meraikan kaedah konvensi, aturan, struktur yang menekuni peniruan secara realistik, mimetik atau bercirikan representasi realiti. Dunia pengkaryaan teater pasca moden tempatan tidak lagi menekuni prinsip struktural, kesatuan, dan konvensional bagi menempatkan ilmu semiotik sebagai kecenderungan penghasilan sistem tanda teater yang bersifat realistik, konvensi dan tuntas. Sebaliknya, pengkarya teater telah memanipulasi sistem tanda teater dengan menghasilkan tanda yang melampaui batas realistik dan bersifat hiper semiotik. Melalui perbahasan Pilliang (2003) menegaskan karya seni masa kini telah bersifat hiper, hiper tanda atau hiper semiotik terjadi tatkala sistem tanda telah dicabar dan dibangunkan semula sebagai tanda yang mengalami 'perubahan dan transformasi' baharu. Prinsip tanda 'perubahan dan transformasi' adalah merujuk kepada struktur tanda sesuatu 'perkara' atau objek telah diruntuhkan batas tanda benar, tanda fakta, tanda nyata, tanda realiti atau representasi. Lantaran, tanda telah berkembang biak menciptakan semula tanda-tanda pelbagai makna (poli makna), tidak statik, diakronik dan hiper tanda. Seajar itu, artikel ini menegaskan tanda pelbagai makna yang dicipta semula pada sistem tanda teater merujuk kepada satu kenyataan atau penciptaan tanda yang tidak merujuk lagi makna secara konvensi mahupun universal. Umpamanya, secara konvensional tanda objek 'bunga' adalah menggambarkan objek bunga sebuah species tumbuhan alam. Lantas, secara konvensional, objek bunga secara konvensional dipersepsi secara stereotaip mewakili diri seorang wanita yang dipercayai oleh masyarakat secara universal. Namun, pengkarya teater boleh sahaja meruntuh tanda objek bunga sebagai tumbuhan alam yang nyata dan tanda stereotaip wanita dengan menandakan semula objek 'bunga' untuk mewakili diri watak lelaki bagi melambangkan dirinya superior atau meruntuhkan mitos hetero seksualiti sebagai lelaki berkuasa kepada 'lelaki' yang 'subordinat'. Tanda poli makna turut diperhatikan melalui aksi tanda tubuh pelakon wanita dan lelaki menukarkan pelbagai tanda aksi watak yang berlainan simbol status, psikologi dan gender tanpa memamatkan kepercayaan lakonan kepada penonton. Justeru, prinsip tanda perubahan dan transformasi jelas bertentangan dengan prinsip konvensional yang perlu mentaati tanda nilai dan budaya yang diterima oleh masyarakat secara universal dan konsensus. Malahan prinsip tanda perubahan dan transformasi jelas bertentangan prinsip representasi realiti yang menekankan kaedah penciptaan tanda perlu mendekati sedekad mungkin realiti sama seperti sebuah mesin cetak yang perlu menyalin semula secara fakta, konvensi, prinsip yang statik dan tuntas. Justeru, prinsip tanda perubahan dan transformasi adalah satu metodologi yang membenarkan pengkarya teater membiak tanpa batas, tanpa mentaati tanda


yang dipegang masyarakat secara konvensional dan malahan terus berputar membangunkan semula ciptaan tanda objek atau 'perkara' baharu pada sistem tanda teater secara hiper dan melampaui batas tanda.

Sesungguhnya, artikel ini sekali lagi mempertikaikan persembahan teater pada era millennium ini tidak lagi menekuni tanda representasi realiti, tanda tuntas (absolute). Sebaliknya, sistem tanda teater masa kini bekerja secara dinamik, tidak akur dengan prinsip semiotik Saussure untuk menghasilkan sistem tanda teater bersifat representasi dan sinkronik. Sebaliknya, pengkarya teater tempatan nekad mencabar prinsip representasi dengan membangunkan tanda 'tanpa rujukan realiti' bagi membentuk acuan bersifat anti-struktural, tidak logik atau tanda-tanda yang melanggar batas konvensional, universal, representasi realiti yang diwakilinya. Artikel ini menegaskan pengkarya teater masa kini ingin melepaskan ikatan tanda konvensi, aturan representasi yang statik dan kaku. Mereka nekad membangunkan tanda melampaui realiti, hiper tanda, atau hiper semiotik di dalam karya teater sebagai sebuah performatif melampaui realiti atau simulakra. Artikel ini sekali lagi menegaskan sistem tanda teater tidak lagi diikat dengan metodologi 'mimesis' atau kaedah mereka cipta teater yang perlu bertindak seperti mesin cetakan menghasilkan tanda mengikut konvensi, struktur, representasi bentuk teater secara realiti, tetap, sinkronik dan tuntas. Sebaliknya, pengkarya seperti pengarah, penulis skrip, pelakon dan krew produksi tempatan sentiasa mencipta semula tanda pada sistem tanda pelakon, sistem tanda visual dan sistem tanda bunyi secara 'hiper' agar sistem tanda teater bersifat dinamik, inovasi dan diakronik. Ini menunjukkan pengkarya teater bersifat eksperimentalis dan revolusioner bersedia memanipulasi sistem tanda artis (performer), sistem tanda visual pentas, sistem tanda bunyi bagi memastikan sistem tanda teater melanggar batas oposisi binar dengan campur aduk tanda realistik dengan tanda abstrak, tanda alam nyata dengan tanda alam fantasi, tanda kenyataan benar dengan tanda palsu dan seterusnya, Implikasinya, penghasilan tanda nyata dan tanda palsu ini memaparkan dunia permainan teater tempatan masa kini sebagai dunia simulakra.

Persembahan Teater Sebagai Sebuah Simulakra

Secara dasarnya simulasi adalah merujuk kepada penghasilan (penciptaan) sesuatu objek atau kenyataan yang mempunyai talian sistem-sistem tanda yang mewakili rujukan dunia realiti termasuk kenyataan yang terbit dari 'nilai kalbu sepunya' mahupun kenyataan realiti tentang 'mitos' sesuatu masyarakat. Namun, sistem tanda yang mewakili rujukan tanda dunia realiti termasuk sumber yang terbit dari 'nilai kalbu sepunya' atau 'mitos' masyarakat telah mengalami kelampauan realiti setelah tanda-tanda ini disaring semula pada suatu medium, Hasil dari sumber realiti yang disaring semula melalui mainan intelektual seorang pengkarya pada sesuatu medium. Lantas, tanda-tanda yang dibangunkan semula sesungguhnya tidak lagi mempunyai 'kebenaran' yang dapat di kenal pasti berdasarkan kenyataan, maklumat, bentuk, struktur pada medium tertentu. Dapat diperjelaskan bahawa segala medium yang dirujuk, dikenal pasti dan menarik minat oleh manusia seperti medium karya seni teater, seni tari, seni tampak, seni binaan bangunan, kandungan berita media massa, penanda gambaran kehidupan manusia pada ruang seni filem dan lainnya pada asasnya mengutip sumber tanda kenyataan dan tanda realiti sedia ada pada penghidupan alam. Namun, tatkala pengkarya mencipta semula tanda-tanda sumber fakta dan realiti yang dipetik dari sumber inspirasi, motivasi, fantasi dan imaginasi. Potensi mainan intelektual pengkarya memanipulasi sumber tanda rujukan realiti,

kenyataan struktur, maklumat nilai kalbu sepunya mahupun mitos masyarakat yang tuntas, pasti disaring semula membentuk tanda-tanda yang lain. Implikasinya, tanda fakta dan tanda realiti sedia ada yang dicipta semula oleh pengkarya cenderung dipalsukan dan disaring semula sehingga berpotensi mencair batas-batas realiti dan fakta yang ada. Sepertimana wacana Pavis (2013) yang menegaskan pengkarya teater masa kini rancak melaksanakan metodologi dekonstruksi yang bermotif menyemak dan meruntuhkan seketika perkara-perkara asas prinsip, teknik, struktur, dan pemikiran sedia ada. Lalu mencipta dan membangun semula tanda-tanda baharu. Kesan dari serangan metodologi dekonstruksi, rekonstruksi, dekontekstualisasi dan rekontekstualisasi ini pengkarya nekad meruntuhkan tanda-tanda realiti, atau tanda-tanda fakta sedia dengan mencampurkan imaginasi, fantasi, ilusi-ilusi palsu yang diilhamkan oleh pengkarya pada teks performatif teater. Secara asasnya dekonstruksi merujuk kepada perkataan 'de'/konstruksi – mempertikaikan dan memperkemaskan struktur sedia ada, lalu perkataan 're'/konstruksi membangun semula tanda baharu dari hasil pertikaian kenyataan dan objek sedia ada. Manakala 'de'kontekstualisasi adalah memperkemaskan dan mencabut konteks asal sesuatu kenyataan atau objek, lalu 're'/kontekstualisasi mengisi satu konteks atau semangat baharu. Maka hasil dari senjata metodologi dekonstruksi, rekonstruksi, dekontekstualisasi dan rekontekstualisasi inilah bentuk persembahan teater berpotensi membentuk dirinya sebagai 'simulasi' atau 'simulacra' yakni suatu kondisi sistem tanda teater yang bukan mengutip sumber realiti dan fakta sedia. Sebaliknya sumber realiti dan fakta sebenar disaring semula menjadi tanda-tanda yang hiper atau melampaui realiti. Justeru, kondisi 'simulakra' merujuk kepada penciptaan semula tanda pada sistem tanda pelakon, sistem tanda visual, sistem tanda bunyi, tanda gambaran kehidupan watak yang telah disaring semula tanda-tanda realiti (reality of sign) oleh mainan kreativiti pengarah yang akhirnya membentuk dirinya seolah-olah adalah dirinya sendiri atau sebagai kehidupan dirinya yang sebenar. Secara asasnya, tanda performatif teater secara simulakra boleh dirujuk dari hasil kerangka teoretikal Baudrillard seperti Rajah 1.



Rajah 1. Fasa Imej Tanda Dari Realiti ke Penanda Simulakra.

Fasa 1: Sumber Tanda Realiti

Secara dasarnya tanda realiti melalui persembahan teater adalah merujuk kepada kutipan dari sumber peniruan tanda-tanda dunia realiti yang dapat dikenal pasti, dialami dan boleh dipercayai tentang kewujudannya di atas ruang pentas oleh penonton. Sumber tanda realiti mementingkan penghasilan aksi pelakon yang dapat meniru aksi kehidupan manusia sehari-hari dan menzahirkan bentuk pengucapan dialog mengikut pertuturan bahasa seharian. Di samping itu, sumber tanda realiti mementingkan penghasilan tata cahaya pentas, tanda kostum, tanda tatarias dan tanda efek bunyi sangat rapat dengan prasarana dan sumber realiti kehidupan manusia yang nyata. Dalam kenyataan lain bahawa sumber tanda realiti cenderung mengutip tanda-tanda peristiwa yang melingkari dilemma sosial kehidupan masyarakat secara fakta dan nyata. Sehubungan itu, sumber tanda realiti adalah merujuk kepada tanda yang mempunyai pertalian rujukan, konsep mewakili representasi realiti dan mengandungi sifat 'jujur' sebagai sebuah tanda. Maksud sifat 'jujur' adalah ia mengungkap konsep atau makna sebenarnya, membentangkan kebenaran (truth) dan menyingkap keaslian, sebuah cerminan dari realiti dan mewakili konsensus bersama dengan sesebuah komuniti. Dengan demikian tanda realiti dikategorikan sebagai suatu 'signification', iaitu bermaksud tanda yang merujuk realiti (reflection of a basic reality).



Gambar 1. Tanda Realiti melalui persembahan Teater bertajuk Rumah Lama Kampung Baru arahan pelajar FMSP UPSI, Muhammad Ubaidullah Taib. Sumber Gambar oleh Nor Shuradi Nor Hashim

Melalui gambar 1 diatas, sistem tanda teater secara tanda realiti dapat dilihat tatkala sistem tanda pelakon masih memperlihatkan aksi manusia yang menggambarkan aksi sedekad mungkin yang boleh dikenali oleh penonton. Dengan menggunakan kaedah lakonan secara *representational*, maka pelakon cuba menampilkan watak-watak seperti watak Mak Raya, watak Zulkifli, watak Budin, watak Jay-Jay, watak Anita dan watak-watak lain yang mempunyai latar psikologi, latar sosiologi dan latar fisiologi yang jelas ini mewakili individu kelompok manusia alam realiti. Dengan menghasilkan reka cipta prasarana set pentas yang menggambarkan kedai menjual makanan di sekitar

Kampung Baru, disusuli rekaan cahaya pentas yang bersifat *natural theatrical lights*, rekaan busana dan tatarias yang realistik mengikut latar sosial dan status watak dan kesan bunyi yang bersifat *realistic modality sound* atau kesan bunyi yang sejajar dengan kondisi alam realiti. Maka sistem tanda teater pada tahap tanda realiti (object of reality sign) masih bersifat tanda representasi realiti yang mengutip rujukan tanda objek secara realiti. Ringkasnya, sebelum disaring menjadi tanda melampaui realiti. Maka secara dasarnya seseorang pengkarya terlebih dahulu mengutip tanda-tanda realiti ('signs of reality') yang telah terbina dari pengalaman hidup dan mindanya. Namun, kutipan tanda-tanda realiti yang dikutip dari mindanya telah disaring dan diperkemas semula oleh pengkarya untuk menjana semula objek seni dalam ruang kondisi secara tanda melampaui realiti. Dengan itu, penghasilan sistem tanda teater bukan lagi merujuk kepada dunia representasi realiti atau dunia peniruan yang dikutip dari sumber tanda-tanda realiti yang diwakilinya. Sebaliknya adalah merupakan sebuah kondisi hiper realiti akibat dari sumber tanda realiti (reality of sign) yang ada dalam dunia kehidupan nyata telah bercampur baur dengan sumber imaginasi, fantasi dan nostalgia yang dicetuskan melalui ilham kreativiti oleh pengkarya teater masa kini.

Fasa 2: Tanda Penyamaran dan Pemalsuan Realiti

Tanda Penyamaran dan Pemalsuan Realiti adalah merujuk kepada tanda yang tidak tulen, asli dan murni. Sebaliknya tanda yang dihasilkan bersifat tiruan dan berpura-pura (pretending) melukis kenyataan, yakni konsep penanda yang mengurangi (reduction) rujukan realiti. Pada dasarnya, Tanda Penyamaran dan Pemalsuan Realiti terhasil dari sumber realiti (reality of sign). Sumber rujukan realiti adalah material yang digunakan semula oleh pengkarya untuk menghasilkan tanda-tanda baharu di dalam sistem tanda teater.



Gambar 2. Tanda Penyamaran dan Pemalsuan melalui Persembahan Teater Semerah Padi arahan Nor Shuradi, Sumber Gambar oleh Nor Shuradi Nor Hashim

Melalui Gambar 2, tanda penyamaran dan pemalsuan boleh diperhatikan tatkala sistem aksi lakonan pelakon pada persembahan teater tari Semerah Padi yang dipersembahkan oleh Artis Budaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui arahan Pengarah Nor Shuradi telah mencampur aduk gerak aksi manusia secara realistik dan lakonan gerak fizikal secara presentational dan bersifat improvisasi. Sesungguhnya,

pelakon tidak lagi meraikan prinsip lakonan representasi dengan meniru aksi kehidupan manusia sedekad mungkin. Sebaliknya, sistem tubuh pelakon telah campur aduk gerak lakon realistik dan aksi gerak tari sebagai simbol aksi mainan watak-watak di atas pentas. Di samping itu, latar prasarana persembahan teater ini telah memperlihatkan fungsi set pentas bersifat poli makna dengan cara memalsukan tanda set pentas membawa pelbagai tanda tempat, makna, maksud dan simbol yang pelbagai. Dalam kata lain, dengan hanya mendambakan satu bentuk rekaan platform, maka set pentas dapat memalsukan objek satu rekaan set pentas, tetapi membawa tanda, penanda dan makna objek yang pelbagai. Di samping itu, pada sudut penyelarasan busana watak didapati aspek kostum dan tata rias sejajar dengan tanda penyamaran dan pemalsuan. Perihal ini boleh didapati tatkala busana yang dipakai oleh watak adalah bersifat sebagai tanda ubah ansur dengan cara memalsukan atau menyamar diri watak seolah-olah memakai busana Melayu bersifat tradisi. Walhal, hakikatnya sumber baju tradisi watak-watak pelakon Semerah Padi tidak bersifat tulin dan mempunyai fakta, malahan rekaan busana tradisi dipalsukan seolah-olah hampir sama dengan rekaan baju Melayu tradisi. Di samping itu, rekaan cahaya pentas pada persembahan teater tari Semerah Padi adalah sejajar dengan tanda palsu yang jelas tidak sehaluan dengan bentuk efek secara *natural theatrical lights*. Dengan memanipulasi konsep *abstract theatrical lights* dengan permainan filter pelbagai warna jingga, warna merah, warna kuning telah cukup untuk memalsukan kondisi cahaya yang real, dan memadai konsep pencahayaan pentas berfungsi sebagai simbol cahaya yang menyokong dramatik persembahan. Melalui, sistem audio pula didapati telah berperanan sebagai *non-diegetic sound* yakni cubaan memalsukan sumber-sumber bunyi sedia ada untuk peranan sebagai simbol bunyi-bunyi yang mempunyai tanda yang lain. Ringkasnya, akibat dari tanda realiti disaring semula atau dimanipulasikan sumber realiti sedia oleh pengkarya telah mengakibatkan sistem tanda pelakon, sistem tanda visual dan sistem tanda bunyi telah mula meruntuhkan objek, fakta dan kenyataan realiti sedia. Ringkasnya, tanda Penyamaran dan pemalsuan realiti adalah merupakan tanda yang bersifat penyamaran (pervert) ekoran pengkarya telah memutarbelitkan sebuah rujukan realiti (masks and perverts a basic reality), sehingga sistem tanda teater pada persembahan teater Semerah Padi adalah merupakan contoh persembahan teater yang mencabar sistem representasi realiti dan membentuk teater yang tidak sepuh realiti sesungguhnya.

Fasa 3: Tanda Meluntur Realiti

Secara asasnya tanda melunturkan realiti adalah merupakan sebuah tanda dekontekstualisasi yang selalu mencari konteks baharu ekoran segala peristiwa atau realiti nyata masa lalu telah diruntuhkan dari tanda sebenarnya. Implikasi menyaring semula (dekontekstualisasi) tanda realiti, lantas tanda pada sistem tanda pelakon, sistem tanda visual dan sistem tanda bunyi telah membangunkan semula suatu peristiwa, kenyataan baharu yang menekuni semangat mengikut konteks terkini. Dalam kenyataan lain menunjukkan tanda melunturkan realiti merupakan penanda yang telah mengisi dan membina semula secara rekontekstualisasi yang berbeza dengan peristiwa, sejarah dan kondisi masa lalu. Dengan demikian, tanda melunturkan realiti adalah merupakan tanda yang sama sekali berbeza dengan penanda asal, atau malahan tiada berkaitan langsung dengan realiti, fakta dan peristiwa sedia ada.



Gambar 3. Tanda Meluntur Realiti melalui Persembahan Teater Kompilasi Mat Deris Kola Perlih & Lembu arahan Namron. Sumber Gambar oleh Nor Shuradi Nor Hashim

Pada Gambar 3, tanda meluntur realiti pada sistem tanda teater Kompilasi Mat Deris Kola Perlih & Lembu arahan Namron boleh didapati tatkala sistem tanda pelakon tidak lagi meraikan sistem lakonan secara realistik dan bersifat representational. Malahan, lakonan bersifat *codified acting avantgarde* dengan menetapkan tubuh seorang pelakon bermain pelbagai latar watak menggunakan satu tubuh pelakon sahaja. Tegasnya konsep permainan *codified acting avant-garde* adalah satu konsep permainan lakon yang melunturkan sistem aksi mainan lakon yang mencabar batas realiti dengan menawarkan aksi tubuh pelakon bermain aksi dalam pelbagai simbol latar psikologi dan sosiologi secara presentational. Di samping itu, sistem tanda visual persembahan teater eksperimentasi tidak lagi mendambakan ruang prasarana yang jelas, realistik dan fakta. Tanda melunturkan realiti pada sistem tanda visual pentas dapat di reka cipta dengan hanya menuntut pelakon dan penonton mempercayai wujudnya ruang-ruang latar pentas untuk mereka bermain lakon dan menonton secara imaginasi. Malahan, tanda meluntur realiti dapat dihasilkan dengan kreativiti pengarah Namron memanipulasi penggunaan efek cahaya dengan berperanan menghasilkan simbol cahaya bersifat *corridor lights effect* untuk menghasilkan ruang-ruang latar yang dapat menyokong tanda tempat kejadian yang berlaku pada konflik persembahan. Ringkasnya, tanda melunturkan realiti turut merujuk kepada tindakan pengkarya meruntuhkan, mencabut atau dekontekstualisasi konteks ruang asli (budaya, manusia, kod, konvensi, prinsip atau tanda murni). Lantaran, membangun atau rekontekstualisasi semula sistem tanda sebuah teater kepada pengisian ruang waktu baharu yang terhasil dari pelbagai motif, tujuan, kepentingan dan strategi tertentu. Sesungguhnya, tanda melunturkan realiti adalah merupakan penanda yang menuju kepada suatu kondisi melampaui realiti yang ditandai bukan dari peniruan sumber alam nyata mahupun kejadian sebenar. Sebaliknya tanda meluntur realiti adalah merupakan sebuah penanda yang mengalami dekontekstualisasi atau disaring semula dari konteks kenyataan aslinya. Lantaran, mengisi atau rekontekstualisasi semula ke dalam ruang baharu membentuk dirinya sendiri. Ringkasnya, tanda melunturkan realiti adalah merupakan tanda yang dicabut dari kenyataan realiti, lalu menjana tanda palsu untuk melahirkan tanda, makna dan motif pada sistem tanda sebuah persembahan teater.

Fasa 4: Tanda Ekstrem Realiti

Tanda ekstrem realiti adalah merujuk kepada tanda yang menampilkan penandaan yang ekstrem (hyper signification), melampaui representasi realiti dan malahan tanda yang tiada langsung berkaitan dengan dunia kehidupan nyata. Secara dasarnya, tanda ekstrem realiti ditandai sebagai penanda yang melebihi atau melampaui sesuatu fakta, perkara atau objek nyata yang disisipkan pada sistem tanda teater. Perihal ini menunjukkan tanda yang dibangunkan pada sistem tanda teater meliputi sistem tanda pelakon, sistem tanda visual (set pentas, efek cahaya pentas, busana, tatarias, props, multimedia,) dan sistem tanda bunyi adalah merupakan kondisi, simbol atau fakta baharu yang melampaui batas tanda benar sehingga makna peristiwa menjadi sangat ekstrem.



Gambar 4. Tanda Ekstrem Realiti melalui Persembahan Teater Lipas arahan Nor Shuradi.
Sumber Gambar Nor Shuradi Nor Hashim

Melalui Gambar 4, tanda ekstrem realiti dapat diperhatikan melalui sistem tanda persembahan teater bertajuk Lipas yang diarahkan oleh pengarah Nor Shuradi. Melalui sistem tanda pelakon dapat memperlihatkan pelakon menghasilkan aksi lakonan secara presentational mendukung watak sebagai Lipas yang mempunyai kerajaan yang berdepan konflik mereka sendiri. Dengan tidak lagi meraikan sistem aksi lakonan realiti yang meniru sedekad mungkin kejadian manusia, maka pelakon telah menghasilkan gesture dan ekspresi tabiat aksi serangga Lipas sebagai latar aksi lakonan yang ekstrem. Malahan, latar sistem visual rekaan prasarana visual set pentas di reka cipta seolah-olah berada di dalam dunia ilusi Kerajaan Lipas yang bersifat ekstrem secara abstrak, unik dan pelik. Di samping itu, penyelaras tanda busana, tatarias tidak lagi meniru dunia realiti manusia dan malahan warna-warna cahaya pentas diterangi dengan konsep *abstract theatrical lights* bagi menampakkan dunia yang penuh surealisme dan mistik. Ringkasnya, dengan memanipulasikan sistem tanda teater Lipas inilah tanda pada sistem lakon, sistem set pentas, sistem cahaya, sistem busana, sistem tatarias, sistem bunyi dan mahupun sistem-sistem artistik pada persembahan teater Lipas ini telah tidak lagi m meraikan sebuah

representasi tanda. Persembahan teater Lipas melalui arahan pengarah Nor Shuradi telah membentuk sebagai sebuah simulakra, yakni suatu penciptaan yang tidak lagi merujuk kepada tanda yang mengacu kepada fakta atau realiti (sign of reality) sedia ada. Dalam kata lain, sistem tanda teater produksi ini telah mengisi penanda-penanda yang tidak lagi mewakili realiti sedia ada. Sebaliknya, sistem tanda teater Lipas telah bercampur aduk tanda penyamaran dan kepalsuan realiti, tanda rekontekstualisasi dan tanda ekstrem realiti sehingga membentuk fakta, dan gambaran melampaui realiti. Implikasinya, persembahan teater Lipas adalah sebuah simulakra atau 'pure simulacrum' yang merujuk kepada penanda yang tidak lagi meniru dan menyalin sesuatu di luar dirinya berdasarkan 'persamaan' dan 'keseserupaan' yang mewakili realiti. Sebaliknya, tanda ekstrem realiti adalah merupakan penanda yang telah dimanifestasikan sebagai ciptaan tanda dirinya sendiri, atau menjadi sebagai dirinya sendiri yang terbit dari imaginasi dan fantasi minda fikiran pengkarya teater.

Kesimpulan

Secara dasarnya, produk persembahan teater tempatan pada alaf milenium abad ke 21 telah menghadirkan produksi tanda yang bersumberkan campur aduk bersama fakta realiti dengan sumber imaginasi, fantasi dan kenyataan palsu yang tercetus dari ilham seseorang pengkarya. Implikasi kepada percampuran tanda realiti (sumber rujukan alam) dan tanda palsu (sumber kreativiti pengkarya – imaginasi, fantasi, nostalgia) telah menyebabkan dunia yang mewakili realiti turut cair, membiak tanda-tanda yang melampaui realiti. Karya persembahan teater di Malaysia berada di kondisi dunia global dan pasca moden yang membangkitkan penentangan representasi realiti kepada ciptaan pengkaryaan performatif teater sebagai dunia simulakra. Meskipun penghasilan teater tempatan masa kini kurang membangun produk komoditi seni yang memanipulasikan sumber teknologi *virtual reality* atau *augmented reality* secara optimum. Namun, tindakan pengkarya manipulasi sistem tanda teater secara melampaui tanda realiti telah membangun inovasi teater tempatan menuju ke arah dunia simulakra. Implikasi karya teater tempatan membangun dirinya sebagai sebuah simulacra menunjukkan sistem tanda teater telah membiak dan meruntuh tembok konvensional dengan ciptaan tanda-tanda baharu yang lebih dinamik sifatnya. Sesungguhnya mainan inspirasi, imaginasi dan fantasi pengkarya berupaya membiak sistem tanda pelakon, sistem tanda visual, tanda sistem bunyi dan tanda gambaran kehidupan watak sebagai sebuah penanda yang tidak lagi dibatasi dengan konvensi teater realisme dan struktur tanda tuntas. Lantaran itu, sistem tanda teater tempatan yang dimanipulasikan dengan percampuran tanda realiti, tanda penyamaran dan kepalsuan realiti, tanda melunturkan realiti dan tanda ekstrem berpotensi membangun bentuk persembahan yang tidak lagi merujuk kepada tanda yang mewakili realiti dan representasi. Sebaliknya sistem tanda teater tempatan mengalami saringan realiti dan membentuk sebagai simulacra yakni seolah-olah dirinya sebagai kehidupan yang sebenar.

Rujukan

Alexandros Ph, Lagopolus, Karin. (2020). Theory and Methodology of Semiotics The Tradition of Ferdinand de Saussure. Berlin, Walter de Gruyter Publishing.

- Baudrillard, J. (2015). *From Hyperreality to Disappearance*. USA. Edinburgh University Ltd. Press.
- Hickman, C. (2023). *Hyper-Reality: The Art of Designing Impossible Experiences*. UK, Independently.
- Medhy Aginta Hidayat. (2012). *Menggugat modenisme: Mengenal rentang pemikiran postmodernism Jean Baudrillard*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Nor Shuradi, Mohd Kipli (2019). *Hyper Reality theatre: Violating the Boundary of Realisme Structure Through the Work Theatre Lembu/Tepuk Amai-Amai*. International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE) ISSN: 2277-3878, Volume-8, Issue-2S2, July 2019.
- Nor Shuradi Nor Hashim. (2020). *Teater Hiper Realiti: Suatu Penentangan Pengarah Teater Terhadap Bentuk Realisme Dan Struktur Tanda Tuntas*. Penyelidikan Tesis PhD. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pavis, P. (2013). *Contemporary Mise-En-Scene: Staging Theatre Today*. (Anderson, J. Trans). London. UK: Routledge.
- Pilliang, Yasraf Amir. (2003). *Hipersemiotika: Tafsir Cultural Studies atas matinya makna*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Schechner, R. (2013). *Performances Studies: An Introduction*. (Third Edition). London.UK: Routledge.